

Perairan Mersing diserang organisma akuatik berbahaya

BH 06/07/24 mls 18

Johor Bahru: Orang ramai dinasihatkan menangguhkan aktiviti berkaitan air di perairan Mersing di sini, susulan

Kewujudan organisme akuatik berbahaya dan mempunyai sengat yang boleh memudaratkan manusia.

Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Nurhuda Ibrahim, berkata kehadiran serangan gastropoda yang dikenal pasti sebagai Petropoda (*Creseus Acicula*) itu dikesan pasukan penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung, pada 11 Jun lalu di perairan kepulauan Mersing.

"Petropoda adalah Zooplankton. Petropoda berasal dari perairan tropika dan subtropika. Perubahan iklim, peningkatan suhu air dan air *ballast* perkapalan dipercayai menjadi punca penyebaran spesies ini ke perairan Malaysia.

"Moluska ini mempunyai sengat yang boleh menyebabkan keradangan, kegatalan, kekeringan, pengelupasan, kemerahan



Petropoda berbahaya dan mempunyai sengat yang boleh memudaratkan dikesan di Perairan Mersing sejak 11 Jun lalu.

(Foto ihsan IPP Batu Maung)

dan kulit bersisik.

"Kesan ini ada kaitan dengan tindak balas hypersensitif pada bahagian kulit manusia. Dapatkan rawatan perubatan segera jika terkena sengatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Serangan merebak

Nurhuda berkata, serangan Petropoda itu bukanlah kali pertama, dimaklumkan oleh penyelidik IPP Batu Maung.

Katanya, sebelum ini memang ada kewujudan Zooplankton berkenaan namun ia tidak merebak dan sebanyak ketika ini.

"Serangan ini dijangka akan berakhir selepas peralihan monsun."

"Jabatan Perikanan akan memantau kehadiran Petropoda sehingga situasi selamat dan menasihatkan orang ramai jauhi aktiviti berkaitan air di perairan itu buat masa ini," katanya.